

21/09/2003

Formula kita adalah integrasi bukan asimilasi

Noor Azam

Konsep dan formula perpaduan yang tak pernah diumumkan

KATA Dr Mahathir: "Asas dan arkitek perpaduan kaum telah dimulakan oleh Perdana Menteri pertama, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj."

Formula itulah yang diungkapkan oleh Dr Mahathir sebagai 'integrasi' bukan asimilasi yang menghilangkan identiti mana-mana kaum. Jadi 'perpaduan' yang dimaksudkan adalah 'muafakat kerjasama pelbagai kaum'.

Tapak dan alat bagi mencapai matlamat ini ialah perpaduan politik (political integration) dalam bentuk Parti Perikatan yang kemudiannya dikembangkan oleh Tun Razak, jadi Barisan Nasional. Dan dalam zamannya, Dr Mahathir memperkukuhkan lagi formula ini dengan menerima parti-parti kecil menjadi anggota BN.

Di samping itu Dasar Pelajaran Kebangsaan, yang bertujuan melahirkan 'satu saja' aliran sekolah tidak pernah dilaksanakan secara bersungguh-sungguh. Yang berjaya dihapuskan hanya sekolah Inggeris. Sekolah dan pendidikan Cina dan Tamil berkembang pesat dan terus dibantu kerajaan.

Pelaksanaan 'Bahasa Melayu' - meskipun ditukar sebutannya 'Bahasa Malaysia' - juga belum terlaksana seperti yang dicita-citakan.

Konsep dan formula Tunku bukan perpaduan dalam erti kata yang sebenarnya. Sebab itu saya berkeyakinan Tunku tidak bersetuju dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1956 (Dasar Pelajaran Abdul Rahman Talib). Ia juga tidak begitu yakin kepada penggunaan Bahasa Melayu.

Pemikiran politik Tunku tidak sama dengan orang seperti Abdul Rahman Talib, Syed Nasir dan Syed Jaafar Albar. Tunku lebih sejalan dengan orang seperti Tan Sri Mohd Khir Johari. Sebab itulah Khir Johari diamanahkan menjaga Kementerian Pendidikan (ketika itu Pelajaran).

Perbalahan hebat terjadi antara guru Sekolah Melayu yang bergabung dalam Kesatuan Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung (KPGMS) dengan Kementerian Pendidikan (Khir Johari dan Tunku) sehingga guru-guru ini keluar Umno secara beramai-ramai. Dalam pilihan raya 1959 mereka menyokong Pas dan Umno tewas di Pantai Timur.

Perbalahan dengan pejuang bahasa mendorong pegawai dan kakitangan DBP membuat perarakan protes 'Keranda 152' ke pejabat Tunku.

Peristiwa ini adalah contoh yang menunjukkan tidak samanya konsep dan matlamat perjuangan kebangsaan, termasuk perpaduan nasional - antara